



KENYATAAN MEDIA

PENAFIAN BERHUBUNG PENINGKATAN KES KEGANASAN RUMAH TANGGA DITERIMA PERKHIDMATAN TALIAN KASIH 15999 SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menafikan artikel dan laporan yang menyebut peningkatan kes keganasan rumah tangga dicatatkan melalui Talian Kasih KPWKM. Artikel yang menyebut peningkatan kes keganasan rumah tangga meningkat sebanyak 57% ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) adalah tidak benar sama sekali. KPWKM ingin menegaskan bahawa peningkatan jumlah peratusan panggilan tersebut merangkumi semua kategori termasuk panggilan berhubung wabak COVID-19, rujukan kes-kes bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat, kes kaunseling dan lain-lain.

KPWKM memandang serius terhadap semua panggilan yang diterima termasuk isu-isu keganasan rumah tangga dan penderaan terutama ketika tempoh PKP ini. Tindakan segera terus diambil oleh pihak JKM mengikut Akta Kanak-Kanak 2001 pindaan 2017 dan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994.

Kementerian juga ingin memohon kerjasama semua pihak supaya data panggilan kes keganasan rumah tangga dan penderaan kanak-kanak dalam data panggilan Talian Kasih sepanjang PKP yang disiarkan di portal KPWKM, tidak disalahtafsir melalui penulisan artikel atau hebahan mana-mana pihak. Dipohon merujuk sumber sahih serta penjelasan kementerian sebelum membuat sebarang kenyataan di mana-mana saluran komunikasi.

###

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
PUTRAJAYA
4 APRIL 2020**